



## **KENYATAAN MEDIA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **SERAMAI 454 PELAJAR TERIMA BANTUAN PENGAJIAN KPT-PTPTN PRIHATIN**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dengan melaksanakan pelbagai inisiatif serta program berimpak tinggi untuk kebajikan para pelajar khususnya peminjam PTPTN. Justeru, inisiatif Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin yang mula dilaksanakan pada tahun 2022 diteruskan pada tahun ini untuk menyalurkan bantuan sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan bagi meringankan beban kewangan pelajar di Institut Pendidikan Tinggi (IPT).
2. Setiap pelajar yang layak menerima bantuan sebanyak RM500.00 secara *one off* yang telah disalurkan ke dalam akaun bank pelajar. Bagi memastikan pelaksanaan program ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan, PTPTN telah mengadakan kerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan IPT terlibat.
3. Penyampaian Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin telah diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 16 Julai 2023 melibatkan sumbangan berjumlah RM81,500.00 kepada seramai 163 pelajar yang kurang berkemampuan. Penyampaian bantuan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Naib Canselor UUM, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Prof Dr. Ahmad Martadha Mohamed, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UUM, Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN dan Encik Fauzi Azli Salleh, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Kedah.

4. Manakala pada 18 Julai 2023 pula, Program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin telah diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Shah Alam melibatkan bantuan kepada 291 pelajar dengan peruntukan sebanyak RM145,500.00. Majlis turut disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Prof Dr. Hj Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM, Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN dan Puan Rohaida Deris, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Selangor.

5. Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, “Dalam usaha meningkatkan akses pendidikan kepada masyarakat tanpa mengira kaum dan latar belakang, PTPTN telah mengadakan pelbagai program berimpak tinggi bagi membolehkan masyarakat terus mendapat bantuan sewajarnya. Justeru, program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin diadakan untuk menyalurkan bantuan sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan bagi meringankan beban kewangan pelajar dalam tempoh pengajian di universiti.”

6. “Saya berharap sumbangan ini dapat membantu mengurangkan beban kewangan pelajar di IPT. Jadikan bantuan ini sebagai pendorong untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan yang cemerlang sekali gus mendapat pekerjaan yang baik serta dapat mengubah nasib keluarga untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa,” tambah beliau lagi.

7. PTPTN yang telah ditubuhkan pada tahun 1997 merupakan peneraju tabung pendidikan utama negara yang telah melahirkan ramai modal insan kepada negara. Peranan, jasa dan sumbangan PTPTN kepada masyarakat Malaysia ternyata telah merealisasikan matlamat melahirkan generasi berpendidikan. Semoga dengan inisiatif Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin ini akan memberikan impak positif dan manfaat kepada para pelajar seterusnya membina lebih ramai graduan cemerlang.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**27 Julai 2023**